



MAJLIS DAERAH MERSING

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/ PUKONSA / UPKJ di bawah kod bidang yang ditetapkan sebagaimana Jadual 1 dan memenuhi syarat seperti berikut:
 - a) Berdaftar dengan Pejabat Majlis Daerah Mersing bagi tahun 2024 dan;
 - b) Membawa Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum tamat tempoh sah laku dan;
 - c) Membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan;
 - d) Membawa Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang belum tamat tarikh tempoh habis perakuan dan;
 - e) Membawa Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia) yang belum tamat tempoh sah laku dan;
 - f) Membawa Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre For Construction Development (JCCD) dan;
 - g) Membawa cop syarikat terkini.

Jadual 1:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK
MDMG. P/T/01/2024	MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR PANTAI AIR PAPAN	RM200.00 (Tidak akan dikembalikan)	Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 dan CE21	Tarikh: 01 April 2024 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat berkumpul: Lobi Pejabat Majlis Daerah Mersing (Taklimat dan lawatan tapak diwajibkan)

2. Tender yang melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis, **hanya penama di dalam sijil sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat** dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan.

WAKIL BAGI LAWATAN TAPAK TIDAK DIBENARKAN SELARAS DENGAN KETETAPAN 1PP-PK2.1 PERKARA 7 (iv) (b) (8)

3. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Jabatan Kejuruteraan**, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800 Mersing, Johor Darul Ta'zim pada waktu pejabat mulai **01 April 2024 (Isnin)** sehingga **14 April 2024 (Ahad)**.
4. Dokumen Tender akan diberi dalam bentuk **softcopy**. Sila bawa **Pendrive** semasa proses pembelian.
5. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk sepertimana senarai di bawah dan dibayar di atas nama **Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing**:
 - a) Draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau;
 - b) Kiriman wang pos (*money order*) atau;
 - c) Wang kiriman pos berpalang (*postal order*) - tidak menerima wang **RM1** atau;
 - d) Bayaran secara dalam talian (*online banking*) - **INSTANT TRANSFER (Public Bank, No. Akaun : 3993187506)**.

**WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK DITERIMA SELARAS DENGAN KETETAPAN
1PP-PK2 PERENGGAN 8(iii) (e) (5)**

6. Peraturan am untuk hadir bagi pendaftaran penyertaan ke pejabat Majlis Daerah Mersing (**tidak dibenarkan masuk jika tidak patuhi**):
 - a) Hanya seorang sahaja dibenarkan masuk bagi setiap syarikat;
 - b) Mengisi borang pendaftaran
7. Dokumen Tender yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada **22 April 2024 (Isnin)** sebelum jam **12.00 tengahari** di alamat:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MERSING
NO. 1, JALAN TUN DR ISMAIL,
86800 MERSING, JOHOR DARUL TA'ZIM**